

Kerajaan Kelantan pinggirkan KIAS?

um - 20/6/07

SEMENJAK Pas mengambil alih pemerintahan kerajaan Kelantan daripada Barisan Nasional (BN) pada tahun 1990, Menteri Besar bersama para Exconya telah berusaha untuk mengembalikan semula kegemilangan ilmu dan pendidikan di negeri itu seperti yang pernah dinikmati semasa wujudnya Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) sebelum diserahkan kepada Universiti Malaya (APIUM) semasa pemerintahan BN.

Untuk itu, kerajaan Kelantan di bawah pimpinan ulama telah menubuhkan Mahad Dakwah Wal Imamah (MDI) pada tahun 1994 yang kemudiannya dinaik taraf kepada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) pada tahun 1999.

Penubuhan KIAS telah memberi harapan baru kepada rakyat Kelantan untuk melihat lahirnya para ulama yang menjadi pewaris nabi dan seterusnya kelangsungan kepimpinan ulama di negeri tersebut sebagaimana misi yang diuar-uarkan oleh KIAS.

Namun sayangnya, penubuhan KIAS hanyalah indah khabar dari rupa. Kerancahan pembangunan di KIAS hanya berlangsung selama tiga tahun sahaja melalui pembinaan blok akademik dan blok perpustakaan, kemudian lesu tanpa sebab yang munasabah. Graduan yang dikeluarkan juga tidaklah sehebat seperti yang diharapkan. Semuanya ini gara-gara tindakan kerajaan Pas Kelantan yang mengabaikan kebajikan para pelajar dan kakitangan KIAS.

Semenjak saya melanjutkan pelajaran di KIAS pada Jun 2005 selepas digula-gulkan dengan janji-janji manis oleh pensyarah KIAS semasa taklimat promosi KIAS ke sekolah-sekolah agama di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK), kami para pelajar terpaksa tinggal di asrama seperti sardin dalam tin.

Bilik asrama yang sepatutnya memuatkan dua orang pelajar sahaja terpaksa dikongsi bersama empat orang pelajar. Malah di asrama perempuan, sebuah bilik dikongsi bersama enam orang pelajar.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan masalah air yang kerap kali berlaku di asrama, termasuk kualiti air yang menyedihkan.

Akibat bilik asrama yang tidak mencukupi, ramai pelajar yang terpaksa tinggal di rumah-rumah sewa, sehingga menimbulkan berbagai-bagai masalah, termasuk gejala sosial yang kurang baik bagi pelajar agama seperti kami.

Merosot

Setelah dua minggu kami belajar bagi sesi pengajian Jun 2007, kami dapati mutu pengajaran para pensyarah semakin merosot. Ada di kalangan pensyarah yang hanya mengajar sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja.

Kami percaya perkara ini berlaku kerana kami difahamkan tuntutan semakan gaji kakitangan KIAS selaras dengan kenaikan gaji kakitangan awam seperti yang diumumkan baru-baru ini belum

mendapat perhatian daripada pihak yang berwajib, termasuk pihak kerajaan negeri Kelantan.

Justeru, kami mendesak agar Menteri Besar segera masuk campur dalam kemelut pentadbiran dan pengurusan yang melanda KIAS sekarang ini, demi memastikan cita-cita untuk melihat KIAS melahirkan ulama pewaris nabi tercapai.

Lainlah kalau Menteri Besar sekarang ini lebih megah melihat adanya rakyat Kelantan berjaya mendaki Gunung Everest daripada melihat lahirnya lebih ramai ulama pewaris nabi di bumi Serambi Mekah ini.

Saya sebenarnya tidak sanggup untuk mendedahkan lebih banyak lagi kelemahan yang berlaku di KIAS kerana tidak sanggup dituduh membakar kelambu kerana marahkan dua tiga ekor nyamuk.

**- BAKAL ULAMA
PEWARIS NABI,
Nilam Puri, Kelantan.**